

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI MIZUM NEGERI TERENGGANU

OLEH
WAN AZAM BIN WAN ISRAHIM
SARJANA MUDA SAINS
POLISI AWAM DAN SEKITARAN

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGAJIAN AM
FACULTY PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2002

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata **Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM** tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

WAN AZMI BIN W. IBRAHIM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN
INDUSTRI DI MUZIUM NEGERI
TEREGGANU**

2002

1100033032

PRAKATA

Syukur Alhamdulillah kehadiran Illahi kerana dengan limpah dan kurniaNya laporan latihan industri ini berjaya disiapkan tepat pada masa yang ditetapkan. Latihan industri wajib dijalankan bagi melengkapkan pengijazahan seorang pelajar yang mengambil ijazah sarjana muda. Latihan industri merupakan suatu aspek yang penting dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM Bagi pelatih daripada Kolej Universiti Sains dan Teknologi (KUSTEM) Latihan industri dijalankan selama 12 minggu bermula pada 4 March 2002 hingga 25 Mei 2002. Dalam jangka masa ini pelatih telah didedahkan dengan segala aspek pengurusan dan aktiviti organisasi.

Pada kesempatan ini, pelatih ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak pengurusan Lembaga Muzium Negeri Terengganu kerana telah memberi kesempatan menjalankan latihan industri, Selain memberi bimbingan dan tunjuk ajar tanpa mengira erti jemu selama pelatih menjalankan latihan industri. Khususnya kepada Tuan Haji Yusuf Bin Abdullah selaku pengarah. Kepada ketua-ketua bahagian, Tuan Haji Abdullah bin Haji Taib, Pembantu Tadbir Kanan, encik Mohd. Noor bin Ismail ,Penolong Pengarah Bahagian Ethnologi, encik Zakaria bin Abdul Hadi, Penolong Kurator Bahagian Sumber Alam Dan Ekonomi, encik Fauzi Bin Muda Penolong Pengarah Bahagian Muzium Maritim, encik Azmi @ Khairudin bin Abu Bakar Penolong Kurator Bahagian Pameran Dan Pendidikan, encik Che Muhammad Azmi bin Ngah,

Penolong Pengarah Bahagian Sejarah, dan Puan Nor Ainah binti Mahmud, Penolong Kurator Bahagian Pemuliharaan. Turut tidak dilupakan kepada kakitangan Lembaga Muzium Negeri Terengganu. Jasa baik dan bantuan anda semua hanya Allah yang dapat membalasnya.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah syukur saya kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya saya telah menjalani latihan industri dengan jayanya. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan kolej universiti sains dan teknologi Malaysia (KUSTEM) yang menguruskan penempatan latihan industri dengan sebaik mungkin di Muzium Negeri Terengganu. Terima kasih juga kepada lembaga Muzium Negeri Terengganu kerana sudi menerima saya untuk menjalani latihan praktikal di tempat mereka.

Terima kasih juga kepada Prof. Salleh B. Lebar selaku penyelia kolej universiti sains dan teknologi Malaysia (KUSTEM) yang banyak memberi tunjuk ajar dan panduan ketika saya menjalani latihan industri.

Terima kasih juga kepada En Zakaraia B. Abd Hadi selaku penyelia industri di Muzium Negeri Terengganu . Sepanjang saya menjalani latihan di tempat beliau, banyak ilmu dan kemahiran yang telah di curahkan kepada saya.

Tidak lupa juga diucapkan jutaan terima kasih kepada bonda tersayang Pn. Siti Hawa BT. Hussin yang memberi nasihat dan tunjuk ajar yang berterusan dari masa ke semasa.. Tidak ketinggalan juga diucapkan terima kasih kepada rakan-rakan semua kerana sudi membantu serta memberikan sokongan kepada saya supaya menjalani latihan dengan sebaik mungkin. TERIMA KASIH KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT.....AMIN.....

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK LAPORAN	i
PRAKATA	ii
PENGHARGAAN	iv
SENARAI KANDUNGAN	v
RINGKASAN EKSEKUTIF	vii
BAB 1 : LATAR BELAKANG ORGANISASI	
1.0 PENGENALAN	1
1.1 SEJARAH PENUBUHAN MUZIUM	2
1.2 OBJEKTIF PENUBUHAN MUZIUM	6
1.3 PERANAN MUZIUM	7
1.4 MAKLUMAT ORGANISASI	12

BAB 2		
2.1	CARTA ORGANISASI	15
2.2	AKTIVITI ORGANISASI	16
2.3	KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI	53
BAB 3 :	PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN	
3.1	MASALAH DI BAHAGIAN PENTADBIRAN	56
3.2	MASALAH DI BAHAGIAN KEWANGAN	60
3.3	MASALAH DI BAHAGIAN PEMASARAN	64
BAB 4 :	KESIMPULAN	
4.1	PENUTUP	67
4.2	RUJUKAN	68
4.3	LAMPIRAN	69

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

ABSTRAK (RINGKASAN EKSEKUTIF)

Muzium Negeri Terengganu merupakan satu institusi yang dipertanggungjawabkan dalam menjaga dan mengekalkan segala aspek kebudayaan yang berkaitan dengan Negeri Terengganu khasnya dan Malaysia amnya. Dalam menjalankan tugas ini, wujud cabaran dan halangan yang terpaksa ditempuhi. Masalah kewangan merupakan satu masalah yang terpaksa dihadapi, ini kerana Lembaga Muzium Negeri Terengganu tidak mempunyai sumber kewangan selain daripada peruntukan kerajaan yang diterima setiap tahun. Masalah ini telah menjejaskan operasi muzium. Walaubagaimanapun secara keseluruhannya, Lembaga Muzium Negeri Terengganu masih mampu menjalankan peranan dan tanggungjawab untuk terus memelihara warisan bangsa untuk kepentingan bersama.

Semasa menjalankan latihan industri, pihak pengurusan muzium telah mengadakan mesyuarat dengan pelatih dan bersetuju supaya pelatih melalui semua bahagian yang terdapat di organisasi tersebut. Selama menjalankan latihan industri, pelatih telah mendapat pendedahan dengan lebih terperinci tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan, dari aspek pentadbiran sehinggalah kepada aktiviti-aktiviti sampingan seperti mengadakan aktiviti sukan, pertandingan congkak dan sebagainya yang melibatkan kakitangan muzium dan orang ramai.

Aktiviti-aktiviti seumpama ini adalah bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan kakitangan muzium dan orang ramai serta mendekatkan lagi muzium kepada masyarakat.